

## Press Clipping

Client: Port Klang Free Zone Publication: Berita Harian – Colour  
Ekonomi, P. B1 (1 of 1)

Date: October 23, 2006

# PKFZ pertama dibuka November

Oleh Suffian A Bakar

**Z**ON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), zon perindustrian dan komersial bersepadu pertama di negara ini, akan dibuka bulan depan.

Pengurus Besarnya, Noel Gulliver berkata, pihaknya sudah menjalankan ujian bekalan elektrik dan sedang membuat sentuhan akhir terhadap kerja berkaitan landskap dan jalan.

Beliau berkata, bekalan kuasa yang menjadi pertimbangan penting kepada pelabur lebih daripada mencukupi di PKFZ.

"Kami menyediakan bekalan tenaga 60 KVA, iaitu dua kali ganda daripada yang ada di Shah Alam," katanya selepas menyaksikan ujian simbolik *lights up* di Kompleks Kastam PKFZ, Pelabuhan Klang, semalam.

Konsep zon bebas yang diwartakan itu bertujuan membolehkan aktiviti komersial dan pembuatan dijalankan serentak, bagi mempromosi perdagangan import-eksport (entreport) dan aktiviti pekilangan oleh syarikat antarabangsa yang menge-

luarkan barangan khusus untuk dieksport.

Kilang dan firma logistik dapat ditempatkan dalam zon sama untuk memudahkan penyelarasan dan melancarkan pengurusan rangkaian bekalan, menjadikan PKFZ, sebuah zon perindustrian dan komersial bersepadu, projek pembangunan pertama seumpamanya di Malaysia.

Gulliver berkata, antara kemudahan di PKFZ termasuk empat kompleks lapan tingkat dengan ruang pejabat lengkap bersama tempat letak kereta bertingkat dan ruang jualan makanan.

Perkhidmatan lain seperti bank, pejabat pos, firma guaman, syarikat logistik dan penyedia perkhidmatan lain dijangka beroperasi tidak lama lagi.

Pejabat PKFZ akan memastikan semua operasi berjalan lancar dalam kawasan zon bebas yang turut menempatkan agensi setempat sebagai perantara utama antara agensi kerajaan berkaitan dengan pihak pelabur, katanya.

Beliau berkata, kompleks kastam pula menempatkan perkhidmatan

kastam serta jabatan kerajaan lain seperti perkhidmatan kesihatan dan veterineri bagi memudah penyelarasan produk.

Sementara itu, unit industri ringan mengandungi 512 unit teres pra pembinaan dan unit berkembar disediakan untuk disewakan.

**“PKFZ menyediakan tapak industri yang boleh untuk disewakan kepada pelabur untuk membina bangunan mereka sendiri dengan kadar sewa RM1.80 sekaki persegi setahun, termasuk kemudahan asas”**

**Noel Gulliver**  
Pengurus Besar PKFZ

“Setiap unit berukuran 5,487 kaki persegi bersamaan 463 kaki persegi ruang pejabat pada kadar sewa RM18 sekaki persegi setahun.

“PKFZ turut menyediakan tapak industri yang sudah tersedia untuk disewakan kepada pelabur untuk membina bangunan mereka sendiri dengan kadar sewa RM1.80 sekaki persegi setahun, termasuk kemudahan lain seperti bekalan elektrik, pembetungan, bekalan air tekanan tinggi, sambungan jalur lebar dan talian telefon serta talian data,” katanya.

Matlamat PKFZ yang dibina mengikut model Zon Bebas Jebel Ali di Dubai bertujuan menjadikan PKFZ ‘Jebel Ali rantau Asia Tenggara’ dengan menawarkan insentif daya saing mengikut peraturan Malaysia.

Gulliver berkata, sejak penyewa pertama, Aker Kvaener, kumpulan jurutera minyak dan gas Norway memeterai perjanjian sewaan Jun lalu, PKFZ mengadakan banyak perbincangan positif dan sedang dalam proses memuktamadkan beberapa perjanjian dengan bakal penyewa.